

OKT 2025 / BIL. 14 / 2025

EON

Epitome of Nature

MENJULANG INOVASI, MEMPERKASA EKONOMI



TRANSFORMASI AGROPELANCONGAN: DAYA TARIKAN BAHARU EKONOMI TEMPATAN DI PERLIS

Marlia Musa

Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau 02600 Arau, Perlis

marliamusa@uitm.edu.my

EDITOR: NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Pengenalan

Pelancongan diiktiraf sebagai salah satu enjin pertumbuhan pelbagai ekonomi di negara-negara seluruh dunia (Noranira dan Nurul Wahidah, 2021). Agropelancongan kini berkembang sebagai salah satu sektor berimpak tinggi dalam menjana ekonomi tempatan, khususnya di kawasan luar bandar. Ia menggabungkan elemen pertanian dan pelancongan untuk mewujudkan pengalaman unik kepada pelawat sambil memberi pulangan ekonomi kepada petani, usahawan tani, dan komuniti setempat. Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (2025) agropelancongan merupakan konsep pelancongan yang menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan sektor pertanian berasaskan tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Aktiviti ini semakin berkembang dan diusahakan kebanyakannya oleh komuniti luar bandar. Ia bukan sahaja menawarkan konsep riadah bagi pengunjung yang datang, aktiviti agropelancongan juga

bertujuan mendidik pengunjung sambil membantu meningkatkan pendapatan pengusaha pusat agropelancongan. Kebelakangan ini, banyak pusat agropelancongan yang diusahakan oleh komuniti luar bandar dilihat sebagai satu transformasi positif bukan sahaja kepada pengusaha, tetapi juga kepada penduduk setempat dan ekonomi luar bandar. Dahulunya, pusat

agropelancongan lebih tertumpu kepada aktiviti tradisional seperti aktiviti pertanian semata-mata dan hanya untuk penduduk setempat. Namun kini, pelbagai inovasi yang dapat dilihat dari segi pelaksanaan dan pendekatan yang digunakan dalam memajukan pusat agropelancongan kepada produk pelancongan yang berinovasi dan mesra pelawat. Ia secara tidak langsung telah mengubah wajah ekonomi luar bandar di banyak negeri, termasuk Perlis, Kelantan dan Johor.

**Agropelancongan
kini berkembang
sebagai salah
satu sektor
berimpak tinggi
dalam menjana
ekonomi
tempatan,
khususnya di
kawasan luar
bandar**

Peralihan Daripada Ladang Konvensional Ke Destinasi Pelancongan

Negeri Perlis yang terkenal dengan keindahan sawah padi, bukit batu kapur dan kehijauan ladangnya, kini semakin menyerlah sebagai destinasi agropelancongan yang menarik di Malaysia. Seiring dengan perkembangan sektor pelancongan, pendekatan berasaskan inovasi pertanian telah mula merubah landskap ekonomi luar bandar di negeri ini.

Melalui gabungan teknologi moden, daya kreatif petani serta sokongan agensi kerajaan, agropelancongan bukan sahaja menarik pelancong, malah menjadi punca pendapatan baharu kepada masyarakat setempat. Sebelum ini, ladang-ladang dan kawasan pertanian hanya tertumpu kepada pengeluaran hasil tanaman dan ternakan. Sebagai contoh, di Perlis, suatu ketika dahulu popular sebagai pengeluar utama tanaman tebu. Ia menjadi tanaman kedua terpenting selepas padi yang menyumbang besar kepada pertumbuhan ekomoni bumi Perlis dan juga keluaran dalam negara kasar (KDNK) (Syukor, 2005). Tanaman mangga harumanis tidak kurang penting juga memainkan peranan penting kepada sektor pertanian dan ekonomi Perlis. Namun, kini banyak kawasan pertanian ini diubahsuai menjadi lokasi agropelancongan menarik.

Terdapat dua pusat agropelancongan di negeri Perlis yang menjadi antara pusat agropelancongan terbaik di peringkat kebangsaan iaitu Y.A. Harumanis Maju Enterprise dan Nipah Klasik. Kebanyakan pusat agropelancongan ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik yang menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada pengunjung yang datang. Antaranya seperti aktiviti interaktif, galeri pameran produk tempatan, kafe ladang, inap desa,

pengalaman menuai buah, memahami proses penanaman, menawarkan produk yang diusahakan oleh penduduk setempat dan menyertai aktiviti ladang. Contohnya, ladang mangga harumanis di Perlis bukan hanya menjual buah, malah menawarkan pengunjung dan pembeli lawatan ke ladang, sesi petik sendiri buah, dan bengkel membuat produk hiliran. Begitu juga Nipah Klasik yang memberi peluang kepada pengunjung untuk melawat ladang nipah. Selain itu, pengunjung juga boleh bersantai dan menikmati juadah makanan tradisional Perlis di dalam ladang nipah, sambil menikmati air nira segar. Ia menjadikan pusat ini sebagai pilihan pengunjung terutama yang tinggal di luar negeri Perlis untuk datang berkunjung pada musim cuti sekolah.

Agropelancongan Sebagai Inovasi Sektor Ekonomi Setempat

Transformasi agropelancongan ini yang dipacu oleh inovasi pertanian membolehkan penduduk luar bandar menjana pendapatan tambahan tanpa meninggalkan bidang pertanian tradisional mereka. Petani yang mengusahakan aktiviti pertanian bukan sahaja menjadi pengeluar makanan, malah turut menjadi usahawan pelancongan yang menguruskan inap desa, menyediakan pakej lawatan, makanan tradisional tempatan serta aktiviti kebudayaan.

Transformasi agropelancongan ini yang dipacu oleh inovasi pertanian membolehkan penduduk luar bandar menjana pendapatan tambahan tanpa meninggalkan bidang pertanian tradisional mereka.

Setiap aktiviti yang ditawarkan dapat meninggalkan seribu satu pengalaman berharga kepada pengunjung yang datang. Gambar dan video yang direkodkan yang merakamkan setiap aktiviti yang dilakukan, kemudiannya dikongsi di platform atas talian dan sosial media seperti Facebook, Instagram dan Tiktok. Hal ini menjadikan pusat-pusat agropelancongan ini semakin diketahui ramai dan merencanakan lagi kedatangan pelancong ke Perlis. Semakin banyak aktiviti menarik yang akan ditawarkan bagi menarik lebih ramai pengunjung. Ia secara tidak langsung membuka dan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada penduduk setempat dalam bidang pelancongan, katering, kraf dan perkhidmatan. Identiti desa dan warisan budaya setempat juga dapat dihidupkan semula seiring dengan inovasi pertanian yang dijalankan.

Kerjasama Strategik Dengan Pelbagai Sektor

Tidak dinafikan, kejayaan agropelancongan di Perlis turut didorong oleh kerjasama pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung antara petani, agensi pertanian dan institusi pendidikan. Program seperti Kursus Transformasi Agro Usahawan, bimbingan dari MARDI dan Jabatan Pertanian serta sokongan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam membangunkan wakaf pertanian, menjadi pemangkin kepada perubahan positif ini. Agensi-agensi ini menyokong dengan menawarkan pelbagai geran dan bantuan bagi membantu pengusaha seperti bantuan dalam bentuk insentif dan promosi, bantuan infrastruktur, latihan kemahiran, pemasaran digital dan penjenamaan. Para pengusaha seharusnya peka dengan bantuan yang ditawarkan kerana ia bukan sahaja boleh membantu dapat mengurangkan kos pengurusan dan

perkhidmatan, malah banyak faedah lain yang boleh diperolehi.

Cabaran Dan Harapan Aktiviti Agropelancongan

Walaupun potensinya besar, agropelancongan berasaskan inovasi memerlukan komitmen berterusan dalam aspek pemasaran digital, latihan berterusan dan sokongan modal. Selain itu, aspek kelestarian alam sekitar juga perlu diambil kira bagi memastikan pembangunan agropelancongan tidak menjejaskan ekosistem tempatan. Dengan pendekatan bersepadu dan berteraskan inovasi, Perlis berpotensi menjadi model negeri yang berjaya menggabungkan kemajuan pertanian dengan pelancongan lestari, seterusnya memperkasa ekonomi luar bandar dan mengekalkan keunikan warisan pertanian tempatan. Pengusaha agropelancongan juga haruslah sentiasa berdaya saing dan mencari peluang untuk terus mengkomersialkan pusat agropelancongan

sehingga ke mata dunia.

Penutup

Inovasi pertanian yang digabungkan dengan sektor pelancongan membuka lembaran baharu kepada

pertumbuhan ekonomi luar bandar di Perlis. Dengan semangat keusahawanan, kerjasama pintar, dan dorongan teknologi, agropelancongan bakal terus menjadi platform penting dalam menjulang inovasi serta memperkasa kehidupan komuniti luar bandar. Diharapkan, lebih ramai lagi pengusaha pertanian yang ada di negeri Perlis untuk terlibat secara aktif dalam agropelancongan kerana ia bukan sahaja meningkatkan ekonomi, malah membawa Perlis ke mata dunia sebagai sebuah negeri yang kaya dengan psuat agropelancongan.

Rujukan

